



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**22 MAC 2023 (RABU)**



---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**22 MAC 2023 (RABU)**

# ‘Pecahkan monopoli Touch ‘n Go’

PPIM, FOMCA mahu kerajaan pecahan monopoli Touch ‘n Go (TnG) dengan mewujudkan lebih banyak persaingan supaya pengguna dapat membuat pilihan. Tiga kementerian akan bermesyuarat dalam tempoh terdekat bagi menentukan kaedah pelaksanaan sistem pembayaran terbuka, termasuk untuk kemudahan pengangkutan awam. MyCC akan memantau perkembangan TnG bagi menjamin kelancaran kemasukan pemain baharu ke dalam pasaran.

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim → Nasional 4

Sandaran caruman KWSP untuk dapatkan pinjaman tak jejas dividen: PM Nasional 6

# Pecahkan monopoli TnG beri pengguna pilihan

Sedia lebih banyak perkhidmatan serupa wujudkan persaingan sihat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim,  
Mohd Zaky Zainuddin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu memecahkan segera monopoli Touch 'n Go (TnG) dengan mewujudkan persaingan supaya pengguna mempunyai pilihan untuk memilih perkhidmatan yang ditawarkan.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, berkata monopoli dalam perniagaan tanpa persaingan menyebabkan kualiti perkhidmatan ditawarkan menujun.

"Sebenarnya patut disemak balik terutama kontrak yang diberi kepada TnG kerana saya sendiri banyak membuat aduan, palang tak bergerak, caj dikenakan berbeza dan mereka tidak perlu menjawab kepada sesiapa.

"Akhirnya menyebabkan mereka terlalu selesa kerana terlalu lama memonopoli dan kalau boleh kerajaan perlu menghentikan ini, biar lebih banyak perkhidmatan serupa ditawarkan kepada rakyat," katanya.

Ahad lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi bayangan monopoli TnG mungkin ditimbang semula kerana dilihat tiada kemajuan menyakinkan dalam sistemnya sejak beroperasi lebih dua dekad.

Nadzim berkata, sebarang perkhidmatan yang ditawarkan sepatutnya tidak menyusahkan rakyat.

Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Datuk Paul Selva Raj, berkata sekiranya wujud persaingan, pengguna ada pilihan dan boleh membanding kualiti perkhidmatan serta kos yang ditawarkan.

Sebagai contoh, beliau berkata, sistem Teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) yang ditawarkan pada harga RM35 mungkin boleh dikurangkan jika ada syarikat lain menawarkan produk sama.

"Apabila ada persaingan dalam sistem, setiap syarikat yang masuk dalam pasaran akan cuba memberi nilai yang lebih baik dan berkualiti. Jadi rakyat selaku pengguna mempunyai banyak pilihan," katanya.

#### Pelbagaikan kaedah bayaran

Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, mencadangkan kerajaan menggunakan model di negara lain seperti Singapura yang membenarkan penggunaan pelbagai kaedah pembayaran, tidak terhad kepada kad TnG dan sistem RFID.

Katanya, cadangan kerajaan memecah monopoli adalah wajar kerana TnG dilihat tidak mampu memperbaiki perkhidmatannya, tidak berinovasi dan mengena harta tinggi untuk kad dan pelekat-RFID.

"Ia patut dilaksanakan segera untuk memastikan pengguna lebu raya tidak lagi terkesan dengan perkhidmatannya yang me-

ngecewakan," katanya.

Sebenarnya patut disemak balik terutama kontrak yang diberi kepada TnG kerana saya sendiri banyak membuat aduan, palang tak bergerak, caj dikenakan berbeza dan mereka tidak perlu menjawab kepada sesiapa.

**Nadzim Johan,**  
Ketua Aktivis PPIM

ngecewakan," katanya.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid turut menyokong cadangan kerajaan pertimbangkan semula monopoli TnG kerana ia akan memberi banyak faedah kepada pengguna, termasuk perkhidmatan lebih kompetitif, murah dan berkesan.

"Persaingan akan memperbaiki mutu perkhidmatan TnG sendiri kerana persaingan yang baik akan memberikan kesan yang positif kepada pihak berkepentingan," katanya.

Aimi Zulhazmi berkata, di Malaysia ada kira-kira 40 perkhidmatan e-dompet yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), namun hanya 13 yang memberikan perkhidmatan menyeluruh sepenuhnya.

"Mungkin selama ini pilihan e-dompet TnG disebabkan oleh penggunaannya yang luas di lebu raya di seluruh negara. Justeru, dengan cadangan memecah monopoli, ia akan memberikan persaingan lebih sengit dan juga

mempercepatkan transformasi pendigitalan kerana ia akan menyatukan pelbagai e-dompet dan mengurangkan penggunaan wang tunai seperti yang dimulakan oleh BNM," katanya.

Sementara itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melalui pasukan khas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) akan memantau setiap perkembangan dan tingkah laku TnG bagi menjamin kelancaran kemasukan pemain baharu ke dalam pasaran.

Ketua Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata jika ada cubaan untuk menghalang usaha yang cuba dilaksanakan itu, MyCC tidak teragak-agak akan mengambil tindakan.

"MyCC menyambut baik komitmen Perdana Menteri untuk supaya meneliti semula isu monopoli oleh TnG dalam sistem pembayaran tol dan pengangutan awam. Ia termasuk mempertimbangkan sistem pembayaran alternatif untuk merangsang persaingan dalam pasaran," katanya.



# MORE WAYS TO PAY SOON

THREE ministries will discuss developing a cashless multi-payment platform, in a move to break the virtual monopoly by Touch 'n Go. Four highways in the Klang Valley and the Penang Bridge are set to get the ball rolling in September. A minister says this is for the people's convenience and not meant to undercut TnG.

» REPORT BY MOHD ISKANDAR IBRAHIM, AQILAH ALIAS AND ASHA SURAYA ON PAGE 2



## KPDN Johor terima 22 aduan penyelewengan jualan RON95

**Johor Bahru** Pengasah stesen minyak tidak tahu, tidak faham atau sengaja lauaggas undang-undang?

Ini kerana, sejak Januari hingga kini, Kementerian Perdagangan Oalam Negeri dan Kos Suci Hidup (KPDN) Johor menerima 22 kes penyelewengan penjualan RON95 kepada kenderaan pendaftaran asing.

"KPIN Johor mengambil inisiatif dan cindakan proaktif dengan membuat pemantauan berterusan ke atas se-

mu 326 stesen naikyak. "Ia terutama meribatkan stesen yang berada dalam lingkungan 50 kilometer berhampiran sempadan Malaysia-Singapura.

"Hastinya, kita mendirai 22 aduan sejak awal tahun sehingga semalam. Setemaraini sudah ketiga-siasatan berkartas juga dibuka," kata Pengarah KPDN Negeri, Lili Saslinda Pernasao di Kompleks Mahkamah Johor Bahru di sini, semalam.

Menurut Lili Saslinda, pihaknya memandang se-



rus penyelewangan petrol bersubsidi berikut ia hasil negara malah menaung dengannya serius isu tudar di me-



KPDN Johor mengambil inisiatif dan tindakan proaktif dengan membuat pemantauan harian serta pemeriksaan berterusan ke atas semua 320 stesen minyak."

Lili Saslinda

dia sosial serta aduan orang awam.

Pihaknya menerima aduan daripada pelbagai medium seperti media sosial KPDN, e-aduan, aplikasi WhatsApp dan panggilan telefon.

Setakat ini enam pengusaha dikompaut RM10,000 atas penyelewangan petrol bersubsidi kepada kenderaan waaga asing.

"Dua ratus penguat kuasa di seluruh Johor mempertingkatkan pengawalan dan pemantauan bagi me-

mastikan pematuhan terhadap semua pengusaha stesen minyak agar tiada penyelewangan serta kerjasam berlaku membabitkan barang kawalan seperti petrol dan diesel.

"Penguatkuasaan terhadap barang kawalan juga diberi keutamaan dan tindakan tegas diambil ke atas individu dan syarikat tidak bertanggungjawab menggunakan petrol dan diesel bersubsidi tanpa kebenaran melalui permit serta lesen sah," katanya.

Oleh Hidayatidayu  
Razali  
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

**E**mpat lelaki disyaki cuba menyeludup minyak masak bersubsidi ditahan dalam operasi bersepadu di sebuah premis di Kampung Pengkalan Datu, Sering di sini.

Mereka yang berusia 20-an hingga 50-an itu ditahan pada jam 2 petang kelmarin oleh pengutu kuasa pelbagai agensi termasuk polis dan Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga Tok Bali.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, pihaknya merampas 9.350 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi dan dua Perodua Myvi, keseluruhannya bermilai RM62,375.

"Operasi digerakkan hasil maklumat dan risikan mengenai penyelewengan minyak masak peket satu kilogram.

"Ketika serbuan, beberapa lelaki diperhati sedang me-

# Kantoi ketika memunggah

*Empat ditahan cuba seludup minyak masak peket bersubsidi*



AZMAN (tengah) menunjukkan rampasan minyak masak bersubsidi di sebuah premis di Kampung Pengkalan Datu. Kota Bharu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

munggah kotak yang berisi minyak masak daripada premis ke dalam kereta dan berjaya menahan empat suspek.

"Mereka gagal menunjukkan dokumen berkaitan urus niaga borong atau runctit barang kawalan itu," katanya pada sidang media di Stor Penyimpanan Barang Kes KPDN Kelantan di sini, semalam.

Menurutnya, bekalan minyak masak itu diperayai dibawa masuk ke Kelantan dari negeri lain dan kes itu disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, pihaknya akan merujuk kes kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk pertuduhan dan memberi amaran kepada semua pihak agar tidak terbabit aktiviti sedemikian.

KPDN Kelantan juga akan terus mengadakan Op Tiris bagi menekang ketirisan subsidi barang keperluan.

# Padah jual petrol RON95 kepada warga asing, pemilik stesen didenda RM40,000

**JOHOR BAHRU:** Gara-gara membenarkan pemandu kenderaan pendaftaran asing mengisi petrol RON95 berjumlah RM113.30 di Jalan Tun Abdul Razak, Susur 4, di sini, empat tahun lalu, pemilik stesen minyak didenda RM40,000 di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini hari ini.

Phan Chib Chan, 59, membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim, Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Kes tersebut merupakan pendakwaan pertama bersabit kesalahan penyelewengan minyak bersubsidi di Malaysia.

Berdasarkan kertas pertudu-

han, Chib Chan didapati telah gagal mematuhi arahan yang menyatakan bahawa kenderaan bernombor pendaftaran asing tidak dibenarkan membuat pengisian petrol RON95 pada pukul 10.40 pagi di premis beralamat di 13-A, Jalan Tun Abdul Razak, Susur 4 pada 13 Mei 2019.

Berdasarkan fakta kes, Chib Chan membenarkan pengisian petrol sebanyak 54 liter bernilai RM113.30.

Perbuatan itu melanggar Peraturan 12A Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang merupakan suatu kesalahan di bawah Peraturan 21(1) Peraturan-peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1)

Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang memperuntukkan hukuman tidak melebihi RM1 juta atau dipenjara dalam tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Ikhlas Raja Ariff, manakala tertuduh diwakili peguam belia, Lim Chon Sim.

Dalam hujahnya, Muhamad Sabiq memberitahu bahawa tertuduh pernah dikenakan tindakan kompaun dua kali sebelum

ini atas kesalahan sama.

Dalam pada itu, Che Wan Zaidi memberitahu, hukuman denda RM40,000 itu sebagai pengajaran kepada tertuduh serta pemain industri yang lain.

"Ketirisan subsidi ini dengan bantuan pengusaha stesen minyak telah menyebabkan kerugian pada negara. Hujahan pendakwaan menyatakan pada 2019 kerajaan membelanjakan RM2 bilion untuk subsidi.

"Kejadian itu menyebabkan kerugian besar pada negara dan rakyat Malaysia. Oleh itu, sebagai pengajaran kepada kamu dan pemain industri yang lain, supaya tak buat kesalahan yang sama," katanya.



CHIB CHAN keluar dari Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam selepas denda RM40,000 kerana membenarkan warga asing mengisi RON95.

## Denda RM40,000 jual RON95

**JOHOR BAHRU** – Seorang pemilik stesen minyak menjadi orang pertama di negara ini didenda sebanyak RM40,000 atas kesalahan menjual RON95 kepada warga asing di Mahkamah Sesyen Johor Bahru di sini semalam.

Phan Chib Chan, 59, dijatuhi hukuman itu selepas mengaku bersalah di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Pertuduhan itu mencatat sejarah apabila menjadi kes pertama bersabut kesalahan penyelewengan minyak bersubsidi di Malaysia.

Chib Chan didakwa gagal mematuhi arahan yang menyatakan bawahu kenderaan bernombor pendaftaran asing tidak dibenarkan mengisi petrol RON95.

Kesalahan itu dilakukan pada pukul 10.40 pagi di No. 13-A, Jalan Tun Abdul Razak Susur 4 di sini, pada 13 Mei 2019 kerana membenarkan pengisian 54 liter RON95 bernilai RM113.30.

Ia melanggar Peraturan 12A Kawalan Bekalan 1974. Akta itu memperuntukkan hukuman denda RM1 juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Hakim Che Wan Zaidi menjatuhkan hukuman itu selepas mendengar hujaman Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Ikhlas Raja Ariff dan peguam bela, Lim Chon Sim.

"Hukuman ini sebagai pengajaran kepada pemain industri lain. Ketirisan keseluruhan subsidi yang diperuntukkan sebanyak RM2 billion ini akan menyebabkan kerugian kepada negara," kata Hakim Che Wan Zaidi.

Untuk rekod, Chib Chan sebelum ini pernah dikompaun dua kali atas kesalahan sama.

# Didenda RM40,000 jual RON95 kepada kenderaan asing

**Pengusaha stesen minyak benarkan isi petrol bersubsidi 4 tahun lalu.**

Oleh Mary Victoria Dass  
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Seorang pengusaha stesen minyak didenda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen selepas mengaku salah membenarkan pengisian petrol RON95 kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing tidak dibenarkan membuat pengisian petrol RON95.

Phan Chib Chan, 59, di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaldi Che Wan Ibrahim dan ia kes pertama membatikan pemilik stesen didakwa atas kesalahan terbabit.

Mengikut pertuduhan, Chib Chan gagal mematuhi arahan menyatakan bahawa kenderaan bernombor pendaftaran asing tidak dibenarkan membuat pengisian petrol RON95.

Lelaki itu didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 10.40 pagi di premis di Jalan Tun Abdul Razak Susur 4 pada 13 Mei 2019.

Perbuatan itu melanggar Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang menjadi suatu kesalahan di bawah Peraturan 21(1) Peraturan-peraturan sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen

22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

**Boleh didenda tak lebih RM1j**

Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1 juta atau dipenjara bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Ikhlas Raja Ariff, manakala tertuduh diwakili peguam Lim Chon Sim.

Sementara itu, KPDN Johor mengesahkan pihaknya menyiasat 22 kes penyelewengan penjualan RON95 kepada kenderaan pendaftaran asing dengan enam pengusaha stesen minyak



Chib Chan didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam menjual petrol bersubsidi kepada kenderaan asing pada 13 Mei 2019. (Foto BERNAMA)

dikenakan kompaun RM10,000.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo, berkata, sehingga kini pihaknya sedang melengkapkan kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan di mahkamah.

"KPDN Johor mengambil inisiatif dan tindakan proaktif melalui pemantauan harian dan pemeriksaan berterusan ke atas semua 320 stesen minyak, terutama yang berada dalam

lingkungan 50 kilometer berhampiran sempadan Malaysia-Singapura."

"Pelbagai aduan diterima melalui pelbagai medium antaranya di media sosial KPDN, e-aduan, WhatsApp dan juga panggilan telefon."

"Setakat ini enam pengusaha dikompaun RM10,000 atas penyelewengan petrol bersubsidi kepada kenderaan warga asing," katanya.

## Pengusaha didenda RM40,000, kenderaan asing isi RON95

**JOHOR BAHRU** - Seorang pengusaha sebuah stesen minyak didenda RM40,000 selepas mengaku bersalah membenarkan pengisian petrol RON95 kepada kenderaan pendaftaran asing di Jalan Tun Abdul Razak, Susur 4, di sini, empat tahun lalu.

Phan Chib Chan, 59, membuat pengakuan berkenaan setelah pertuduhan dibacakan ke atasnya di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Wan Ibrahim.

Chib Chan membuat pengakuan berkenaan dalam bahasa Mandarin dengan dibantu oleh seorang jurubahasa.

Mengikut fakta kes, Chib Chan, telah membenarkan pengisian petrol sebanyak 54 liter bernilai RM113,30 kepada kenderaan dengan nomor pendaftaran asing berkenaan.

Berdasarkan pertuduhan, Chib Chan didapati gagal mematuhi arahan pengawal yang menyatakan bahawa kenderaan bernombor pendaftaran asing tidak dibenarkan membuat pengisian petrol



Chib Chan diiringi polis setelah keluar dari mahkamah di Johor Bahru pada Selasa.

RON95 pada jam 10.40 pagi, 13 Mei 2019.

Perbuatan berkenaan didapati telah melanggar Peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu suatu kesalahan di bawah Peraturan 21(1) Peraturan sama.

Malah, itu juga merupakan kes pendakwaan pertama di negara ini berhubung kesalahan membenarkan pengisian petrol RON95 kepada kenderaan pendaftaran asing.

an pendaftaran asing.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Ikhlas Raja Ariff manakala Orang Kena Saman (OKS), diwakili peguam Lim Chon Sim.

Chib Chan kemudiannya membayar saman berkenaan di kaunter pembayaran mahkamah.

**Johor Bahru:** Seorang pengusaha stesen minyak di bandar raya ini didenda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen Johor Bahru di sini, semalam selepas didapati bersalah menjual petrol bersubsidi kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing.

Tertuduh, Phan Chib Chan, 59, dijatuhi hukuman berkenaan selepas mengaku bersalah atas pertuduhan membenarkan pengisian petrol RON95 kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing pada empat tahun lalu.

Ia adalah kes pertama membabitkan pemilik stesen minyak didakwa atas kesalahan terbabit.

Phan mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didapati gagal mematuhi arahan yang menyatakan bahawa kenderaan bernombor pendaftaran asing tidak dibenarkan membuat pengisian petrol RON95.

Lelaki itu didakwa melakukan kesalahan terbabit jam 10.40 pagi di premis beralamat 13-A, Jalan Tun Abdul Razak Susur 4, pada 13 Mei 2019.

Perbuatan itu melanggar Peraturan 12A Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang merupakan suatu kesalahan mengikut Peraturan 21(1) Peraturan-peraturan yang sama

## Didenda RM40k izin kereta asing isi minyak subsidi



PHAN mengaku salah benarkan pengisian petrol RON95 kepada kenderaan dengan nombor pendaftaran asing di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

Sabit kesalahan boleh denda tidak lebih RM1 juta atau dipenjarai bagi tempoh tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengikut fakta kes, tertuduh membenarkan pengisian petrol sebanyak 54 liter bernilai RM113.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perda-

gangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Ikhlas Raja Ariff manakala OKS diwakili peguam, Lim Chon Sim.

Dalam penghujahannya, Muhamad Sabiq menyatakan bahawa tertuduh pernah dua kali dikenakan kompaun atas kesalahan sama.

**Tertuduh benarkan pengisian petrol sebanyak 54 liter bernilai RM113**

lik stesen minyak itu adalah sebagai pengajaran kepada-nya serta pemain industri yang lain.

"Ketirisan subsidi ini, dengan bantuan pengusaha stesen minyak, menyebabkan kerugian pada negara.

"Hujahan pendakwaan menyatakan, pada 2019 kerajaan membelanjakan RM2 bilion untuk subsidi. Kejadian itu menyebabkan kerugian besar pada negara dan rakyat Malaysia."

"Oleh itu, ia sebagai pengajaran kepada kamu dan pemain industri lain supaya tidak melakukan kesalahan sama," katanya.

# Heavy price of fuel sale

## Station owner fined RM40,000 for selling RON95 to S'porean

By REMAR NORDIN  
remar.nordin@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** A petrol station owner has been fined RM40,000 at the Sessions Court here for allowing a foreign registered vehicle to fill up with RON95 petrol four years ago.

Phan Chib Chan, 59, pleaded guilty to the charge before judge Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim yesterday.

According to the facts of the case, Phan failed to comply with the ban on the sale of RON95 petrol to foreign-registered vehicles.

The offence was committed at Jalan Tun Abdul Razak Susur 4, at 10.40am on May 13, 2019,

Phan had allowed a Singapore-registered vehicle to fill up 54 litres of RON95 petrol worth RM113.30, an offence under Regulation 12A of the Control of Supplies Regulations 1974.



The offence comes under Section 22(1) of the Control of Supplies Act 1961, which carries a maximum RM1mil fine or three years in jail.  
Domestic Trade and Cost of Living

Ministry deputy public prosecutors Muhamad Sabiq Muhamad Subri and Raja Nor Ikhlas Raja Ariff prosecuted the case while Lim Chon Sim represented Phan.

**Unlawful act:** Phan leaving the Sessions Court in Johor Baru.  
— THOMAS YONG/The Star

Muhamad Sabiq told the court that Phan had been previously been issued compounds for the same offence in 2014 and 2017.

Earlier, Che Wan Zaidi said in his judgment that the offence had been frequently reported along the country's border and that the RM40,000 fine was intended to be a lesson to him and other petrol station owners.

Phan paid the fine.

Meanwhile, Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry director Lili Saslinda Pornomo said it was investigating another 22 cases of RON95 being sold to foreign drivers.

"We are currently preparing the investigation papers as this is a very serious offence that has caused a huge loss to the country," she said to reporters at the court lobby.

She added that six petrol station owners had already been fined RM10,000 each for the offence from January to March 20 this year.

## Kiosk operator fined for selling fuel to foreign registered vehicle

**JOHOR BAHRU:** A petrol station owner was fined RM40,000 by the Sessions Court yesterday for allowing a vehicle with a foreign registration number to be filled with RON95 petrol at the station four years ago.

Judge Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim meted out the fine, in default five months' jail, against Phan Chib Chan, 59, who pleaded guilty.

The case is believed to be the first involving such an offence to be taken to court. Phan was charged with failing to comply with the ban on the sale of RON95 petrol to foreign-registered vehicles.

He had allowed a foreign-registered car to fill up 54 litres of RON95 petrol worth RM114.30 at the petrol station at Jalan Tun Abdul Razak in Susur 4 at 10.40am on May 13, 2019.

In doing so, the father of two had violated Regulation 12A of the Control of Supplies Regulations 1974.

The prosecution was conducted by DPPs from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, Muhamad Sabiq Muhamad Subri and Raja Nor Iklas Raja Ariff.

Earlier, Raja Nor Iklas told the court that Phan had been previously given a compound notice for a similar offence and requested for appropriate punishment to be imposed as a lesson to him, as well as other petrol station operators.

Phan was represented by lawyer Lim Chon Sin. - Bernama

# Change is on **the cards**

The move to end Touch 'n Go's monopoly and allow the use of other payment cards on five toll roads by September – and eventually all highways nationwide – is expected to drive competition while opening up choices for motorists. > **See page 6 for reports**

## MyCC stands firm with the public on Touch 'n Go

**PETALING JAYA:** The government's move to address the monopoly of Touch 'n Go on tolled roads and in the public transportation system is a step in the right direction, says the Malaysia Competition Commission (MyCC).

Commending Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's commitment to look into the monopoly issue and to consider possible alternatives to stimulate competition, MyCC said this would lead to a competitive market that would ultimately benefit the public.

It gave the thumbs-up to initiatives by the Works and Transport ministries, such as the introduction of the Multi-Lane Free Flow

(MLFF) to allow users to pay tolls using other payment methods, and the plan to develop more payment options for public transportation.

These moves are expected to end the monopoly of Touch 'n Go, in line with public demand.

MyCC CEO Iskandar Ismail said in order to ensure concrete development in this area, the commission – through the task force set up by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry – would continue to monitor developments in order to guarantee the seamless entry of new players into these markets.

"MyCC has investigated a few monopolies

before this, when one of them was found to have made an attempt to increase the cost of new entry by making an exclusivity agreement with its downstream players," he added.

Iskandar said as a result, the hopes of the government of injecting competition into that market could not be fulfilled.

"We will adopt the same approach in monitoring the development to instil competition in the payment of highway tolls and public transportation.

"This is so that we can have viable alternatives and strong competitors that can compete effectively in the market for the benefit of users," he added.



---

---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**22 MAC 2023 (RABU)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 22 MAC 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-Mar	Keeping prices low, Rahmah key focus for Salahuddin Ayub	<a href="https://www.google.com/amp/s/themalaysianreserve.com/2023/03/21/keeping-prices-low-rahmah-key-focus-for-salahuddin-ayub/amp/">https://www.google.com/amp/s/themalaysianreserve.com/2023/03/21/keeping-prices-low-rahmah-key-focus-for-salahuddin-ayub/amp/</a>	THEMALAYSIANRESERVE
22-Mar	KPDN, MOT, KKR bincang pelaksanaan sistem pembayaran terbuka	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1079922/kpdn-mot-kkr-bincang-pelaksanaan-sistem-pembayaran-terbuka">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1079922/kpdn-mot-kkr-bincang-pelaksanaan-sistem-pembayaran-terbuka</a>	BH
22-Mar	To Salahuddin Ayub, being cost-of-living minister is a 'do or die' job	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/17/to-salahuddin-ayub-being-cost-of-living-minister-is-a-do-or-die-job/60096">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/17/to-salahuddin-ayub-being-cost-of-living-minister-is-a-do-or-die-job/60096</a>	MALAYMAIL
22-Mar	To Salahuddin Ayub, being cost-of-living minister is a 'do-or-die' job	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.dailyexpress.com.my/news/209757/to-salahuddin-ayub-being-cost-of-living-minister-is-a-do-or-die-job/">https://www.google.com/amp/s/www.dailyexpress.com.my/news/209757/to-salahuddin-ayub-being-cost-of-living-minister-is-a-do-or-die-job/</a>	DAILYEXPRESS
22-Mar	6 pengusaha dikompaun RM10,000 jual RON95 kepada warga asing	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1079966/6-pengusaha-dikompaun-rm10000-jual-ron95-kepada-warga-asing">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1079966/6-pengusaha-dikompaun-rm10000-jual-ron95-kepada-warga-asing</a>	BH
22-Mar	Kenapa degil sangat jual petrol subsidi pada kenderaan asing?	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/948145/kenapa-degil-sangat-jual-petrol-subsidi-pada-kenderaan-asing">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/948145/kenapa-degil-sangat-jual-petrol-subsidi-pada-kenderaan-asing</a>	HM
22-Mar	22 kes ketirisan penjualan RON95 disiasat	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/59832-22-kes-ketirisan-penjualan-ron95-disiasat">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/59832-22-kes-ketirisan-penjualan-ron95-disiasat</a>	BERITARTM

22-Mar	Empat lelaki giat punggah minyak masak bersubsidi ditahan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080015/empat-lelaki-giat-punggah-minyak-masak-bersubsidi-ditahan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080015/empat-lelaki-giat-punggah-minyak-masak-bersubsidi-ditahan</a>	BH
22-Mar	Minyak masak peket stok Ramadan cuba diseludup ke negara jiran	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250740">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250740</a>	SH
22-Mar	80 peniaga jayakan Bazar Ramadan Rahmah di Kelantan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250744">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250744</a>	SH
22-Mar	12,000 Johoreans set to benefit from Rahmah Ramadan Bazaar	<a href="https://www.thesundaily.my/local/12000-johoreans-set-to-benefit-from-rahmah-ramadan-bazaar-MB10777957">https://www.thesundaily.my/local/12000-johoreans-set-to-benefit-from-rahmah-ramadan-bazaar-MB10777957</a>	THESUNDAILY
22-Mar	Bazar Rahmah di enam daerah di Johor sepanjang Ramadan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250784">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250784</a>	SH
22-Mar	Affordable spectacles offered via Rahmah initiative	<a href="https://www.thesundaily.my/home/affordable-spectacles-offered-via-rahmah-initiative-GB10778538">https://www.thesundaily.my/home/affordable-spectacles-offered-via-rahmah-initiative-GB10778538</a>	THESUNDAILY
22-Mar	Bazar Rahmah dijangka bakal manfaat 12,000 rakyat	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2175100">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2175100</a>	BERNAMA
22-Mar	KPDN Johor: Ayam terkesan banjir dilupuskan dengan cara betul	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250799">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250799</a>	SH
22-Mar	KPDN: Johor: 22 aduan jualan RON95 kepada kenderaan asing diterima	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-johor-22-aduan-jualan-ron95-kepada-kenderaan-asing-diterima-OB10777867">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-johor-22-aduan-jualan-ron95-kepada-kenderaan-asing-diterima-OB10777867</a>	THESUNDAILY
22-Mar	KPDN Miri kesan 45 kesalahan harga barang dan pembekalan	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/21/kpdn-miri-kesan-45-kesalahan-harga-barang-dan-pembekalan">https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/21/kpdn-miri-kesan-45-kesalahan-harga-barang-dan-pembekalan</a>	UMBORNEO

22-Mar	MyCC lauds government proposal to end Touch 'n Go's monopoly	<a href="https://www.theedgemarkets.com/node/660088">https://www.theedgemarkets.com/node/660088</a>	THEEDGE MARKETS
22-Mar	Tiada ayam mati akibat banjir dijual di pasaran	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/59872-tiada-ayam-mati-akibat-banjir-dijual-di-pasaran">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/59872-tiada-ayam-mati-akibat-banjir-dijual-di-pasaran</a>	BERITARTM